

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 FEBUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	HALA TUJU MOA 2019 – 2020 DIBENTANG ESOK, NASIONAL, SH -8 FOKUS JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN, TINGKAT PENDAPATAN, ISU, BH -12 MINISTRY TO ANNOUNCE FOOD SECURITY AND REVENUE GENERATION STRATEGY ON THURSDAY, THE EDGE MARKETS -ONLINE MOA ROUTE MAP TO START OPERATIONAL TOMORROW TO ENSURE FOOD SECURITY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A23 HAN KUO – YU REFUSED TO DISCLOSE REASON TO MEET MINISTER OF AGRICULTURE, NATION, SIN CHEW DAILY -9 FOCUS ON INCREASING INCOME IN AGRICULTURAL SECTOR, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7. 8. 9. 10. 11.	DEKORASI SAYUR, MEGA SAINS, UM -MUKA HADAPAN KEBUN DAPUR DALAM RUMAH, MEGA AGRO, UM -22 MULA MENDAPAT TEMPAHAN, MEGA AGRO, UM -23 CANTIKKAN LAMAN, PELBAGAI MENU SAJIAN, MEGA AGRO, UM -24 GIAT PROMOSI KILANG SAYURAN, MEGA AGRO, UM -25	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	APMM CEKUP NELAYAN TANGKAP SIPUT SECARA HARAM, TENGAH, HM -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15.	ANGKASA MAHU BANGUNKAN LEBIH BANYAK LADANG SOLAR, NEGARA, KOSMO -15 POLIS TAHAN LELAKI SERET ANJING GUNA KENDERAAN, DALAM NEGERI, UM -9 MENYUSUP KAUT HASIL LAUT, SETEMPAT, HM -14	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Hala Tuju MOA 2019-2020 dibentang esok

PUTRAJAYA - Jaminan keselamatan makanan dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian negara bakal menjadi fokus utama pada pembentangan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019 - 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di Serdang, Selangor esok.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, dua fokus tersebut terkandung dalam lima teras penting yang berhubung antara satu sama lain bagi memastikan negara dapat mengekalkan keselamatan makanan, peningkatan produktiviti dan melaksanakan aplikasi teknologi baharu.

"Hala tuju ini berlatarbelakang kepada dua isu penting yang menjadi tanggungjawab hakiki kepada MOA iaitu yang pertama kita memastikan makanan mencukupi kepada negara yang merupakan tanggungjawab utama MOA.

"Kedua, kita akan memastikan dapat meningkatkan pendapatan petani dan ini adalah dua perkara yang saya dan Timbalan Menteri serta Ketua Setiausaha Kementerian selama sembilan bulan ini berhempas pulas mencari jalan keluar untuk menyelesaikan segala halangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Ramah Mesra Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Rakan Media

yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan Ketua Setiausaha Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan di sini semalam.

Mengenai usaha meningkatkan pendapatan petani, Salahuddin berkata, pihaknya akan memperkenalkan konsep pertanian bercampur bagi membolehkan petani tidak bergantung kepada satu keluaran sahaja jika berlaku serangan penyakit atau kejatuhan harga di peringkat global.

"Dengan ini, petani tidak akan lagi terjejas pendapatan mereka yang mana kita juga akan memperkenalkan tanaman yang mendatangkan hasil supaya petani dapat mempelbagaikan tanaman dengan pulangan yang lumayan," ujar beliau.

Dalam pada itu, Salahuddin menjelaskan, hala tuju baharu itu penting kerana negara kini mengimport sebanyak RM55 bilion makanan dalam tempoh setahun.

"Kalau boleh kita mahu meningkatkan tanaman jagung kerana kita ada tanah yang luas dan akan berunding dengan kerajaan negeri supaya kita dapat keluar daripada pergantungan

terhadap import bahan ini," jelas beliau.

Menurut Salahuddin, sudah sampai masanya untuk kerajaan melaksanakan pendekatan yang lebih berkesan untuk mengeluarkan petani di negara ini dalam kemiskinan.

"Sudah 60 tahun selepas merdeka, saya tidak malu mengaku bahawa petani kita masih miskin dan majoriti terperangkap dalam B40.

"Ini bukan mudah, saya tidak kata saya hebat, KSU dan Timbalan Menteri kata boleh, buat tetapi ini langkah yang kita putuskan bersama, berjaya atau tidak itu bergantung kepada masa serta iltizam, usaha yang kami buat untuk keluarkan mereka daripada jerat kemiskinan," ujamya.



SALAHUDDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	BERITA HARIAN	ISU	12

HALA TUJU KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI 2019-2020

Fokus jaminan keselamatan makanan, tingkat pendapatan

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]

➔ Tumpu lima teras saling berkaitan pada pengumuman hala tuju Kementerian esok

Oleh Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Jaminan keselamatan makanan negara dan meningkatkan pendapatan sektor pertanian akan menjadi fokus utama Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019-2020, yang akan dilancarkan esok.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, beliau menetapkan fokus berkenaan sejak menerajui Kementerian berkenaan sembilan bulan lalu.

"Hala tuju yang akan diumumkan itu adalah sebahagian usaha Kementerian meningkatkan taraf sektor pertanian yang masih gagal menarik minat sektor swasta berbanding komoditi," katanya selepas Majlis Bersama Media,



Salahuddin pada sidang media Majlis Bersama Media di Putrajaya, semalam.

di sini, semalam.

Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2019-2020 akan diumumkan pada satu majlis di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Salahuddin berkata, selain dua fokus utama itu, hala tuju Kementerian turut merangkumi lima teras yang saling berkaitan antara satu sama lain.

"Semua perkara itu adalah penting bagi menjamin kesela-

matan makanan negara dengan memastikan produktiviti dapat ditingkatkan melalui penggunaan teknologi terkini," katanya.

Galak pertanian campur

Beliau berkata sumbangan tahunan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam-Negara Kasar kini hanya tiga peratus dengan peruntukan import pelbagai sektor pertanian dan makanan sebanyak RM50 bilion setahun.

Bagi meningkatkan pendapa-

tan petani, Salahuddin berkata kerajaan menggalakkan pertanian bercampur yang mana petani tidak hanya bergantung kepada satu pengeluaran yang mungkin terjejas disebabkan penyakit atau turun naik harga.

"Usaha ini dibuat kerana selepas lebih 60 tahun kita merdeka, saya tidak malu untuk mengakui bahawa golongan ini masih miskin yang majoritinya terperangkap dalam golongan B40," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	THE EDGE MARKETS	ONLINE	

Ministry to announce food security and revenue generation strategy on Thursday



PUTRAJAYA (Feb 12): The Agriculture and Agro-Based Industry Ministry 2019-2020 Roadmap to ensure food security and revenue generation will be announced at an event in the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) this Thursday.

Its Minister, Datuk Salahuddin Ayub, said the two focal points became his Ministry's priority when he was put in charge nine months ago.

"The roadmap is an initiative by the Ministry to lift the agriculture sector which has not been successful in piquing the interest of the private sector compared to commodities," he said after a Meet the Press event today.

He said the roadmap has five key thrusts which are interconnected and "all of them are important to guarantee food security through higher productivity using the latest technology".

According to him, the agricultural sector contributes about three per cent to Gross Domestic Product (GDP), while the import allocation for food and the various farming sectors is RM50 billion per year.

For farmers to improve their income, he said, the Government is encouraging mixed farming so that they are not too dependent on one source or badly affected by the impact from disease or price fluctuations.

"The step was taken because despite being independent for more than 60 years, our farmers remain trapped in poverty, with the majority in the B40 income group," Salahuddin said.

Headline	MOA route map to start operational tomorrow to ensure food security		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Feb 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A23	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	313 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,937
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,811



沙拉胡丁（右七）及农业部副部长沈志勤（右八）与出席农业部与媒体交流会的各报主管和代表合影。

保障粮食安全 农业部路线图明启动

（布城 12 日讯）将于周四启动的“2019-2020 年农业及农基工业部路线图”，侧重于保障国家粮食安全和增加农业领域

收入。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，他是经过 9 个月观察后，鉴定这两个重要的改

革议程。

“除此之外，周四在沙登农业博览馆（MAEPS）启动的路线图，也包含五个农业领域不可分割的支柱。”

沙拉胡丁今日在农业部与媒体交流会的记者会上说，通过使用最新技术将提高生产力，确保国家粮食安全。

Headline	Han Kuo-Yu refused to disclose reason to meet Minister of Agriculture		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	294,476
Page No	9	Readership	883,428
Language	Chinese	ArticleSize	153 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,802
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,405



安排會晤馬農業部長？ 韓國瑜：不便透露

（高雄12日综合电）高雄市长韩国瑜计划2月下旬赴新、马行销高雄，媒体报导马来西亚农业部打脸未安排会晤行程。韩国瑜周二被追问是否事先安排此行程，他说“不便透露”，对马国的说法也予以尊重。

高雄市政府新闻局最近表示，韩国瑜将在2月24日到28日赴马来西亚、新加坡行销农、渔业产品并邀媒体随行，有媒体抢先曝光韩国瑜将于出访期间会晤马来西亚农业部官员、吉隆坡市长；不过这个行程遭到马国官员打脸否认。

媒体追问和马国农业部会晤的行程是否事先讲好了，韩国瑜周二下午到冈山寿天宫参拜时受访表示，“不便透露太多”。

他说，高雄市对外本来就有困难，很多安排需要低调、不便张扬，一旦张扬公开被迫取消，对拜访国家也不太尊重、对高雄市也不是好事。

媒体再询问是否会再继续和马国农业部沟通，他表示“如果访问的国家发布没这个行程安

排，市府就是客随主便、尊重被访问国家的体制和计划上的安排，我们不能造次”。

韩国瑜说，任何城市或国家有高阶官员或企业家愿意和高雄市见面，他都很乐意，如果拜访不到也没有办法。

媒体关切出访行程还有那些要拜访的对象，韩国瑜说，暂时不再透露。

传王浅秋泄密出访行程

另一方面，据台湾媒体报道，泄密这次行程的正是韩国瑜的新闻局长兼发言人王浅秋。

她早前接受媒体访问时，证实韩国瑜将在2月24日将与马来西亚农业部长会面。

对此，王浅秋强调，先前网路媒体独家报道的出访行程并非最终定案，而高雄市与马来西亚农业部之间的沟通管道依然畅通，惟目前韩国瑜出访的行程细节尚未正式公布，“到底是不是生变，其实我们也从来没有正式宣布过是会有那些拜会行程。”王浅秋表示，待行程细节确定之后，会择期对外公布。

Headline	Focus on increasing income in agricultural sector		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	13 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A6	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,140
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,419



布城

著重提升农业领域收入

本周四宣布的《2019-2020年农业及农基工业部施政方向》，将著重在食品安全、提升农业领域收入。

农业部长拿督沙拉胡丁周二出席「与媒体对话会」时说，他在甫出任农长时，就已设定了著重上述施政方向的目标。他说，除上述两目标外，该施政方向亦涵盖5项环环相扣的核心。「全部事宜皆有助以新科技提高生产力，确保我国食品安全。」

他说，农业领域每年对国内生产总值的贡献，仅有约莫3%，各农业、食品机构每年则进口总计500亿令吉产品。为提升农民收入，政府鼓励农民多元种植，不依靠单一品种农作物，即便疾病肆虐或物价下降，也不至于严重影响农民收入。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA SAINS	MUKA DEPAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	22

Kebun dapur dalam rumah

INFO

1. Satu set dekoponix

- *Saiz 150 sentimeter (sm) x 66 sm x 44 sm
- *Kapasiti tangki: Empat liter air
- *Pam air elektrik: 40 Watt / 2,800 liter sejam
- *Diameter paip getah: 10 milimeter (mm)
- *Tinggi: Empat tingkat dengan 24 lubang

2. Pembelian set disertakan:

- Baja
- Benih
- Span media
- Cawan atau pot tanaman
- Pam air

3. Harga dekoponix

- *Empat tingkat - RM 499
- *Dua tingkat - RM 350



DR. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman (kanan) bersama Mohd. Hafiz Talib menunjukkan sayur yang ditanam dalam sistem rak dekoponix.

BAYANGKAN semasa menikmati makan tengah hari atau malam di rumah, mulut mengunyah nasi diselang-selikan dengan ulam atau sayuran organik yang segar.

Ulam atau sayur yang dikunyah itu pula hanya perlu dipetik dari rak di dalam rumah mengikut kesesuaian dan pilihan.

Bukan mudah merealisasikan impian tersebut, tetapi usaha ke arah itu sudah bermula dan penduduk yang tinggal di bandar mungkin boleh dijadikan sandaran.

Mereka yang tinggal di bandar mungkin berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi dan semuanya memerlukan wang untuk mendapatkan sesuatu.

Mereka perlu ke pasar membeli bahan mentah untuk dimasak termasuk sayur-sayuran.

Mereka yang mempunyai minat bercucuk tanam pula tidak mungkin boleh melakukannya kerana keluasan kawasan kediaman yang terhad. Tidak seperti mereka di kampung yang berpeluang memanfaatkan kawasan persekitaran rumah untuk menanam pelbagai jenis sayur-



BIJI benih sayur yang ditanam di dalam span.

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

kegemaran.

Penduduk bandar secara umumnya sukar melakukan demikian disebabkan faktor kediaman bertingkat dan kawasan halaman yang terhad. Namun, mereka yang masih berminat boleh sahaja mencuba konsep pertanian bandar menggunakan teknologi yang ditawarkan dan sesetengahnya sudah berada di pasaran.

Teknologi paling mengujakan bagi penduduk bandar yang ingin bercucuk tanam ditawarkan oleh penyelidik dari Fakulti Reka Bentuk dan Seni Universiti

1 Organik (bebas racun) & segar

2 Jimat!

3 Cara pasang sangat mudah

Kenapa pilih dekoponix?

4 Tidak ambil banyak ruang

5 Mudah dibawa kemana-mana.

6 Siraan pokok secara fully automatic.

SENARAI manfaat teknologi dekoponix secara ringkas.

Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman yang membangunkan sistem rak dekoponix iaitu menanam sayur-sayuran dalam rak khas menggunakan teknologi hidroponik.

Selain sistem berkenaan, beliau dan kumpulannya juga

berjaya menghasilkan beberapa lagi konsep dekorasi dalam pertanian iaitu *home decor*, *wall planter* dan *indoor farming*.

Set sistem rak dekoponix bukan sahaja mendapat liputan meluas ekoran kejayaannya memenangi pelbagai anugerah, malah diyakini mampu

menyelesaikan isu pertanian bandar dan yang lebih penting sekuriti makanan.

Beliau yang juga pensyarah di Jabatan Reka Bentuk Perindustrian fakulti berkenaan berkata, konsep yang diperkenalkan adalah dekorasi digabungkan dengan pertanian.

Katanya, pokok ditanam dalam rak khas dan dibiarkan tumbuh dengan pengawasan sistem pengaliran baja air terkawal.

Apa yang menariknya, menerusi konsep tersebut sayuran yang ditanam bukan sahaja untuk tujuan makanan, malah dekorasi atau hiasan pada bahagian sudut rumah, dinding, meja atau halaman.

"Dekorasi yang kami tampilkan sesuai untuk gaya hidup bandar, dijadikan sumber makanan dan hiasan semula jadi dengan pengurusan yang tidak rumit," ujarnya.

Sistem pemasangan juga agak mudah kerana menyerupai konsep sebuah syarikat perabot antarabangsa iaitu hanya dengan empat skru dan bahan diperbuat daripada plastik empat tingkat.

Berkongsi lebih lanjut Dr. Khairul Aidil Azlin berkata, beliau mendapat inspirasi membangunkan sistem tersebut berdasarkan isu keselamatan makanan jangka panjang terutama mereka yang tinggal di

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	23



BEBERAPA sistem rak dekoponix yang mengalami proses penambahan.

bandar.

Ini kerana kata beliau, di Lembah Klang sahaja kira-kira 52 peratus rumah adalah kos tinggi manakala kos sederhana dan rendah masing-masing 24 peratus.

Kebanyakan rumah berkenaan tidak mesra pertanian iaitu tiada ruang, koridor atau ruang selepas pagar untuk meletakkan pasu.

Justeru, atas faktor tersebut dan ada permintaan daripada masyarakat bandar terutama yang ambil peduli mengenai kualiti makanan yang mereka ambil selain untuk tujuan dekorasi apabila bercucuk tanam sendiri, beliau mencuba sistem tersebut.

Tanaman sayuran yang sesuai terutama berdaun adalah sawi manis, kailan, daun bawang dan pudina yang boleh dituai dalam tempoh sebulan sahaja.

Mereka juga boleh berkongsi dengan jiran yang mempunyai minat sama dan menuai sayur yang hendak dimakan sahaja.

Set prototaip berkenaan mula dibangunkan pada 2015 dengan geran awal sebanyak RM30,000 sebelum ditambah baik untuk geran sebanyak RM120,000



ANTARA sijil yang diterima sebagai bukti pengiktirafan.

manakala geran berikutnya diterima daripada Teraju sebanyak RM500,000.

Kata beliau, pada permulaan penyelidikan banyak skru terpaksa digunakan yang menimbulkan kerumitan ketika kerja-kerja pemasangan terutama pada bahagian koridor rumah.

Saiznya juga yang kecil memudahkan dimasukkan ke tempat letak barangan bagi kereka kompak atau dibawa masuk ke dalam lif.

Pengguna hanya perlu belajar secara minimum cara memasangnya dan menanam iaitu meletakkan benih pada span khas yang dimasukkan ke dalam pasu mini atau pot.

Sebuah motor untuk mengedap air digunakan dengan penggunaan elektrik minimum dan memerlukan pengawasan sepanjang masa. Air yang mengandungi baja pula perlu ditambah ke dalam tangki apabila jumlahnya berkurangan.



KERJA-KERJA memasang sistem rak dekoponix agak mudah dan tidak mengambil masa yang lama.

Mula mendapat tempahan

SEJAK diperkenalkan dan mendapat liputan meluas media massa, set rak dekoponix sudah terjual kira-kira 40 unit.

Walaupun bagaimanapun, bagi memastikannya mesra pengguna, kumpulan tersebut membuat beberapa penambahbaikan antaranya mengurangkan jumlah lubang yang merumitkan kerja-kerja pemasangan.

Bagi mengatasi masalah tersebut dan memastikan usaha pengeluaran besar-besaran tidak berdepan banyak masalah, kumpulan berkenaan menggunakan kaedah acuan suntikan meskipun kosnya agak tinggi sedikit.

Justeru, bagi memastikan semuanya berjalan lancar, kerja perlu dilaksanakan iaitu prapembinaan, pembinaan, melayan tempahan, menghantar dan memasang.

Cabaran akan menjadi lebih besar memandangkan inovasi berkenaan sudah mendapat tempahan dari luar negara.

Namun, **Dr. Khairul Aidil Azlin** yakin inovasi berkenaan akan mendapat sambutan kerana bukan sahaja mencantikan rumah, malah menjadi sumber makanan dan pembekal oksigen selain hobi yang menarik.

Dalam pada itu, sebagai persiapan mengkomersialkan inovasi berkenaan, pihaknya telah



menubuhkan syarikat Dekoponix Sdn. Bhd. pada 2016 yang diterajui pengarahnya, **Mohd. Hafiz Talib**.

Mohd. Hafiz berkata, set tanaman hidroponik tersebut bersifat modular dan kompak.

"Amat sesuai bagi mereka yang tidak mempunyai ruang atau halaman luas dan setiap set struktur yang dipasang boleh dibuka dengan mudah tanpa penggunaan alat mesin.

"Konsepnya mudah iaitu tanam, tinggal dan tuai," ujarnya.



KONSEP indoor farming memberi ruang yang lebih luas kepada tanaman dan jumlah pokok yang lebih banyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	MEGA AGRO	24



KONSEP pertanian bandar atau kebun dapur mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu bagi membekalkan makanan dan mencantikkan halaman.

Cantikkan laman, pelbagai menu sajian

PERTANIAN bandar bukanlah satu perkara yang baharu di negara ini, cuma yang membezakannya hanya bertukar fasa daripada berkebun di kawasan luas ke kawasan terhad.

Pakar pertanian bandar tempatan, **Mohamad Izham Mohd. Alias** berkata, konsep pertanian bandar adalah menggunakan sistem hidroponik iaitu berkebun tanpa menggunakan tanah.

Teknologi hidroponik pula terdiri daripada pelbagai pecahan seperti akuaponik, fertigasi dan NFT (*nutrient film technique*).

"Ia merupakan kaedah berkebun menggunakan pasu. Di Indonesia mereka menanam buah dalam pot atau lebih dikenali sebagai tabulampot," ujarnya yang juga pengasas *kebunbandar.com*.

Antara kaedah penanaman yang menarik adalah penanaman menegak (*vertical farming*).

Selain itu, terdapat teknologi yang membolehkan penanaman pada dinding bagi memaksimumkan penggunaan

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



“Boleh buat sendiri bahan-bahan untuk hidroponik. Contohnya satu set hidroponik dijual sekitar harga antara RM50 hingga RM70. Walau bagaimanapun, jika diusahakan sendiri menggunakan bahan-bahan yang dibeli di kedai RM2, kos hanya sekitar antara RM5 hingga RM15.”



MOHAMAD IZHAM MOHD. ALIAS menunjukkan cara pertanian bandar diamalkan bagi mencantikkan kawasan rumah.

ruang dalam atau luar rumah.

Beliau membahagikan pertanian bandar kepada dua kumpulan iaitu petani komersial dan pekebun rumah (*home gardener*).

Petani komersial katanya, lebih sesuai menanam tanaman yang cepat memberi

hasil dan bernilai tinggi seperti salad, kailan, cili dan tomato.

Bagi pekebun rumah, mereka tidak terhad untuk menanam apa sahaja jenis sayuran iaitu bermula daripada kangkung, sawi, kubis, cili, tomato sehinggalah kailan. Ditanya sama ada



KONSEP pertanian menegak juga mencantikkan laman.

13/2/2019

UTUSAN
MALAYSIAMEGA
AGRO

25

penanaman cara tersebut mahal, beliau berkata, ia mungkin demikian sekiranya diaplikasikan pada skala komersial.

"Boleh buat sendiri bahan-bahan untuk hidroponik. Contohnya satu set hidroponik dijual antara RM50 dan RM70.

"Walaupun bagaimanapun, jika diusahakan sendiri menggunakan bahan-bahan yang dibeli di kedai RM2, kosnya antara RM5 dan RM15," katanya.

Satu daripada manfaat pertanian bandar adalah mewujudkan suasana kemas dan cantik serta boleh menjadi salah satu tarikan utama konsep berkenaan.

Suasana hijau juga merupakan satu daya penarik pertanian bandar. Contohnya ada salad berwarna merah dan hijau. Kubis juga boleh menjadi pengganti kepada bunga di halaman rumah. Terdapat pelbagai benih varieti sayur yang boleh ditanam sebagai dekorasi di halaman rumah.

Satu lagi kepentingan atau manfaat pertanian bandar adalah boleh dijadikan sebagai satu terapi kepada pekebun atau pengusaha.

"Mereka akan berasa tenang apabila melihat tanaman tumbuh subur di halaman rumah selain dapat mengeratkan hubungan sesama keluarga," ujarnya.

Apa yang lebih menarik adalah sekiranya jiran juga mengusahakan tanaman kaedah yang sama dan dengan itu boleh bertukar-tukar sayur jika ada kelebihan selain menjadi sumber pendapatan sampingan jika boleh dijual kepada rakan sekerja.

Bagaimanapun, cabaran utama mempromosikan pertanian bandar adalah memupuk kesedaran minat dalam kalangan masyarakat. Justeru kaedah terbaik menangani masalah tersebut adalah pendidikan.

"Terutama adalah mendidik masyarakat bandar berkebun.

"Kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh membantu menggiatkan usaha mendidik dengan menganjurkan kursus bulanan di taman perumahan atau kampung selain aktif



dalam media sosial untuk menganjurkan tutorial bercucuk tanam," ujarnya. Cabarannya mungkin disebabkan masih tidak tahu walaupun tinggal di bandar, mereka tetap boleh berkebun.

Ini kerana, aktiviti berkebun tidak semestinya memerlukan tanah dan ruang yang luas. "Bahkan di Amerika Syarikat (AS) ada pekebun hanya menumpang tanah di halaman rumah orang mampu menjana ratusan ribu ringgit setahun.

"Agensi kerajaan boleh membuat poster tutorial menanam dalam media sosial seperti Facebook," katanya.

Selain itu, wujudkan saluran YouTube Jabatan Pertanian bagi mendidik masyarakat berkebun di rumah. "Saya sendiri telah menubuhkan Facebook group Kebun Bandar: Jom Tanam Sendiri sejak

2011 bagi menggalakkan rakyat Malaysia berkebun. "Sehingga kini kumpulan tersebut mempunyai lebih 300,000 ahli dan lebih 100 hantaran setiap hari berkaitan perkebunan," ujarnya.

Mengenai negara yang aktif dalam pertanian bandar, Izhah berkata, AS dan rantau Eropah antara yang terkehadapan dalam mempopularkan pertanian bandar.

Selain itu, negara jiran Indonesia agak aktif dalam mempromosikan pertanian bandar.

"Berdasarkan pembacaan saya, AS dan Kanada mempunyai banyak maklumat berkaitan pertanian bandar. Saya mengikuti beberapa channel youtube seperti Curtis Stone yang rajin berkongsi kaedah pertanian bandar mereka," ujarnya.

Menurut beliau, dalam era ekonomi yang kurang

INFO

• Sayur yang biasa ditanam seperti kangkung, sawi, bayam dan cili.

• Sistem fertigasi ialah sistem yang mengalirkan air dan baja sekali gus. Antara kelebihanannya mampu memberi hasil berganda berbanding pertanian tradisional yang menggunakan tanah.

• Teknologi akuaponik adalah gabungan penternakan ikan dan hidroponik. Air ikan disalurkan kepada takungan hidroponik sebagai baja. Pengusaha akan mendapat ikan dan sayur berkualiti.

• Nutrient film technique adalah pengaliran baja berterusan secara cetek.

• Sistem autopot iaitu menambah baik penggunaan pasu biasa kepada pasu yang ada takungan air untuk pokok menyerap terus. Pekebun hanya perlu mengisi air takungan setiap tiga hingga empat hari bergantung kepada keperluan pokok.

Giat promosi kilang sayuran

KONSEP pertanian bandar dapat mewujudkan landskap yang cantik dalam satu-satu kawasan terutama di kawasan bandar dengan penggunaan ruang secara cekap dan efektif.

Pegawai jabatan pertanian, **Muhamad Adli Salihin Samsudin** berkata, antara konsep yang mula diperkenalkan adalah pembinaan kilang sayuran secara tertutup dan kaedah penanaman secara menegak.

Kaedah tersebut dilihat mampu menghasilkan sayuran di kawasan yang terhad dan tanaman yang dihasilkan mempunyai kualiti sangat baik, bebas penggunaan bahan kimia, selamat untuk dimakan dan berkhasiat.

"Perancangan yang betul untuk membina kilang sayuran ini juga dilihat mampu menghasilkan suasana yang mesra kepada alam sekitar dan menjadikan kawasan tersebut sebagai bandar bebas karbon," ujarnya.

Katanya, dengan membina kilang sayuran menggunakan sistem tenaga solar pula mampu mengurangkan kebergantungan kepada sumber elektrik dan mesra alam sekitar.

Beliau berkata, usaha merancang membina kilang sayuran di kawasan yang mempunyai Sistem Pertanian Bersepadu terutama berdekatan

kawasan pemasaran mampu mengurangkan kos pengangkutan dan kesan karbon dioksida yang terhasil daripada kenderaan.

Muhamad Adli Salihin berkata, bagi memberi kesedaran kepada pengguna mengenai kebaikan dan khasiat sayuran yang dihasilkan di kilang ini, kita hendaklah menghasilkan satu ruangan yang mesra kepada pengguna iaitu pengguna boleh untuk melihat bagaimana sayuran itu diproses.

"Konsep kilang sayuran berpotensi menghasilkan sayuran yang berkualiti dalam kuantiti yang banyak di kawasan yang kecil.

"Ia juga boleh menjadikan kawasan tersebut sebagai tarikan baru dalam sektor agropelancongan dan ekopelancongan," ujarnya.

Selain itu, di kawasan sekeliling kilang sayuran juga boleh dibina taman yang menggabungkan elemen landskap dengan nilai estetika dan fungsi yang menarik.

Ia juga mampu menjadi tarikan kepada pengunjung dan secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada sosioekonomi di kawasan setempat.

Bagi yang ingin membina kilang sayuran pula, mereka patut diberi insentif sebagai galakan iaitu kos pengeluaran yang rendah selain pengecualian cukai.



Kilang sayuran yang dibangunkan oleh Jabatan Pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	HARIAN METRO	TENGAH	28

APMM cekup nelayan tangkap siput secara haram

Alor Setar: Enam nelayan tempatan ditahan bersama dua bot kelas A dinaiki mereka oleh anggota peronda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kerana dipercayai melakukan aktiviti menangkap siput secara haram, kelmarin.

Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Mahmud Faizal Ahmad berkata, kedua-dua tangkapan itu dilakukan jam 10.30 malam pada jarak 0.5 batu nautika dari muara barat berhampiran Pantai Kuala Sala, Yan.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati kedua-dua bot itu disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana tidak mengusaha-



ANGGOTA APMM memeriksa bot yang dirampas kerana menangkap siput secara haram berhampiran pantai Kuala Sala.

kan sendiri bot berkenaan. "Selain itu mereka didakwa kerana memiliki

peralatan yang tidak dilisensikan iaitu tangkuk tunda siput (sangkan be-

si)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mahmud Faizal berkata,

peralatan yang dirampas termasuk dua set sangkar besi yang dianggarkan bernilai RM6,000.

Beliau berkata, kedua-dua bot itu dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut.

"Pihak kami juga mengharapkan maklumat dan kerjasama orang ramai serta komuniti maritim supaya segera melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim di perairan negara ini.

"Sebarang aktiviti jenayah atau kecemasan di laut boleh disalurkan melalui talian kecemasan 24 jam MERS 999 atau Pusat Operasi APMM Zon Maritim Kuala Kedah di talian 04-7310579," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	KOSMO	NEGARA	15

Angkasa mahu bangunkan lebih banyak ladang solar

PENDANG - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) merancang untuk mewujudkan lebih banyak ladang solar di negeri-negeri di utara Semenanjung terutama Kedah susulan kejayaan projek pertamanya di Titi Akar, Sungai Tiang di sini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, projek perintis di Titi Akar itu telah mula membekalkan tenaga solar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak awal tahun lalu dengan sasaran keuntungan kira-kira RM90,000 sebulan.

"Berdasarkan kejayaan itu, kita mahu memperluaskan lagi projek ini di lokasi yang mempunyai kadar penembusan cahaya matahari yang baik seperti di negeri-negeri utara Semenanjung," katanya kepada pemberita di Tapak Tenaga Solar MyAngkasa Services Sdn. Bhd. di Titi Akar, di sini semalam.

Ladang solar milik Angkasa itu dibangunkan di tapak seluas 1.2 hektar dengan kos kira-kira RM9.7 juta.

Kata beliau lagi, pihaknya akan bekerjasama dengan kerajaan negeri terlibat

untuk melaksanakan projek tersebut selain memohon kuota daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA).



ABDUL FATTAH

Ujar Abdul Fattah, usaha Angkasa itu juga selaras dengan hasrat Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir untuk menjadikan Kedah sebagai 'negeri hijau' selain menjadi penyumbang utama tenaga boleh diperbaharui kepada negara.

Pada masa sama, kata beliau, pihaknya turut menjana pendapatan sampingan menerusi tanaman halia di tapak projek ladang solar di Titi Akar.

"Kita memanfaatkan tanah di kawasan ladang solar ini dengan tanaman halia yang boleh mula dituai hari ini (semalam). Kita sasarkan pendapatan daripada hasil pertanian ini lebih RM200,000 bagi satu musim," katanya.

Tambahnya, projek tanaman halia itu adalah hasil kerjasama antara Angkasa dengan Konsortium Koperasi Tanaman Padi Kedah Berhad dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pendang Selatan.



PANEL solar yang dipasang di Tapak Tenaga Solar MyAngkasa di Titi Akar, Pendang dengan pokok halia dijadikan tanaman sampingan untuk menambah pendapatan ahli.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Polis tahan lelaki seret anjing guna kenderaan

TAIPING 12 Feb. - Polis telah menahan seorang lelaki bagi membantu siasatan berhubung rakaman video seekor anjing diikat pada kenderaan pacuan empat roda (4WD) Isuzu D-Max dan diseret dalam kejadian pada Ahad lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah, Superintenden Razlam Ab. Hamid berkata, lelaki berusia 58 tahun itu ditangkap susulan laporan polis yang dibuat oleh orang awam selepas menonton rakaman video tersebut semalam.

Menurutnya, semakan terhadap nombor pendaftaran kereta berkenaan mendapati kenderaan itu didaftarkan atas nama anak lelaki suspek, dan semasa kejadian suspek merupakan individu yang memandu.

"Berdasarkan siasatan, suspek memelihara anjing tersebut sejak lebih setahun lalu dan lelaki itu mahu membuang haiwan itu kerana dikatakan kerap menggigit wayar di rumahnya.

"Anjing itu diletakkan di bahagian belakang kenderaan namun suspek mendakwa dia tidak sedar haiwan itu terjatuh," katanya.

Tambah Razlam, siasatan kes tersebut dibuat mengikut Seksyen 44 (1) (a) Akta Haiwan 1953.

■ **Taktik**
nelayan Vietnam
ceroboh perairan
kita sewa bot
nelayan
tempatan
terbongkar

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Mersing

Mahu 'sapu' bersih hasil laut tempatan. Itu tindakan nelayan Vietnam yang dikesan menggunakan taktik terbaharu menyusup masuk ke negara ini sebelum menyewa bot nelayan tempatan.

Mereka yang menjalankan aktiviti menangkap ikan dan sotong dipercayai memindah dan menyeludup keluar semua hasil tangkapan menggunakan bot lebih besar yang menunggui di sempadan perairan negara.

Kegiatan itu dibongkar Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) susulan penahanan dalam sindiket pemalsuan buku pelaut terbesar selain tangkapan 19 pendatang asing tanpa izin (PATI) di laut berhampiran Tanjung Kempit, Endau di sini.

Semua 19 PATI itu dikesan membayar sejumlah wang ditetapkan sindiket untuk mendapatkan buku pelaut palsu yang membolehkan mereka menjalankan kegiatan menangkap ikan atau pulang ke Vietnam sesuka hati.

Perkhidmatan sindiket pemalsuan buku pelaut itu bukan saja membabitkan PATI Vietnam, malah membabitkan warga asing lain yang tamat tempoh buku pelaut di Pahang dan Johor.

Timbalan Pengarah Maritim Negeri Pahang (Operasi) Maritim Malaysia, Kepten Maritim V Pannir Selvan berkata, tangkapan itu hasil kerjasama Bahagian Risikan Ibu Pejabat Maritim Putrajaya, Maritim Negeri Pahang dan Zon Maritim Malaysia jam 2.30 pagi, 30 Januari lalu.

"Hasil maklumat dikumpulkan Zon Maritim Mersing menggerakkan sebuah bot kilat dan mengesan bot nelayan tempatan berwarna biru kuning dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika bot kilat cuba me-

Menyusup kaut hasil laut

Bot yang ditahan berhampiran Tanjung Kempit, Endau.



PANNIR menunjukkan buku pelaut palsu di APM Pangkalan Maritim Mersing, semalam.

nahan bot itu, anggota mengesan sebilangan PATI terjun ke laut dan melarikan diri dengan bere-nang ke Pantai Kampung Semanyir, Endau. Namun semua mereka ditahan," katanya pada sidang media di APM Pangkalan Maritim Mersing di sini, semalam.

Susulan penahanan itu kami membongkar kegiatan pemalsuan buku pelaut didalangi lelaki Vietnam dikenali sebagai Nguyen Hai Au, 43.

Menurutnya, siasatan susulan membawa kepada penahanan seorang wanita di-

dalangi tekong darat memalsukan dokumen dan menguruskan perjalanan PATI Vietnam ke negara asal.

"Ini berdasarkan pemeriksaan ke atas bot nelayan tempatan sebelum mendapati semua bot nelayan kelas C ini dinaiki nelayan warga asing dari Vietnam.

"Sekurang-kurangnya terdapat satu atau dua nelayan Vietnam ketika pemeriksaan dilakukan ke atas bot nelayan tempatan ini," katanya.

Menurutnya, selagi kru Vietnam dibenarkan mengendalikan bot nelayan tempatan, selagi itu masalah kebanyakan nelayan asing di negara ini tidak selesai.

Katanya, siasatan juga mendapati nelayan Vietnam juga aktif menyewa bot kelas C nelayan tempatan di Terengganu dan Kelantan untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Tidak mustahil ikan ditangkap di perairan Malaysia diseludup keluar ke Vietnam menggunakan bot lebih besar yang menunggui di sempadan perairan negara.

Katanya, dua tangkapan membabitkan sindiket pemalsuan dokumen dilakukan Maritim Malaysia Pahang tahun ini dan lima tangkapan kes sepanjang tahun lalu.

"Bagi negeri Johor pula, 27 kes tangkapan dilakukan membabitkan 2,573 pemeriksaan sehingga kini," katanya.

MODUS OPERANDI RANGKAIAN PEMALSUAN BUKU PELAUT WARGA VIETNAM

- 1 Kebanyakan PATI Vietnam datang dari pelbagai pelosok di negeri Johor, selain Pahang mendapatkan khidmat sindiket di Mersing.
- 2 PATI dikehendaki menyediakan gambar berukuran pasport untuk memudahkan urusan mendapatkan cop kelulusan keluar masuk dari negara Vietnam.
- 3 Sindiket didalangi wanita berusia 30-an yang juga bertindak sebagai tekong darat menjalankan aktiviti memalsukan dokumen dan menguruskan perjalanan PATI Vietnam ke negara asal.
- 4 PATI menjadikan perairan Endau, Mersing, Johor sebagai laluan utama untuk keluar dan masuk dari negara ini dengan mendapat khidmat bot nelayan tempatan yang bekerjasama membawa keluar dan masuk golongan itu.
- 5 PATI yang berjaya mendapatkan buku pelaut palsu akan menyewa bot nelayan Kelas C dari warga tempatan turun menjalankan kegiatan menangkap hasil laut terutama sotong.

LOKASI

Tangkapan Kilat 14
1 x bot nelayan tempatan
1.8 Batu nautika dari barat
Tanjung Kempit



FAKTA

FAKTA
Kegiatan pemalsuan
buku pelaut didalangi
lelaki Vietnam

HARIAN METRO

Mersing

Pemilik beri 'restu' sewa bot kelas C

Tindakan pemilik bot jenis kelas C warga tempatan di Endau di sini, yang menyewakan pengangkutan terbabit kepada nelayan Vietnam dikesan menjadi faktor kebanyakan warga negara itu di daerah ini.

Timbalan Pengarah Maritim Negeri Pahang (Operasi) Maritim Malaysia, V Pannir Selvan berkata, siasatan pihak mendapati kawasan perairan Endau menjadi hubuk nelayan warga asing menangkap ikan, namun aktiviti itu seolah-olah mendapat 'restu' nelayan tempatan.

"Ini berdasarkan pemeriksaan ke atas bot nelayan tempatan sebelum mendapati semua bot nelayan kelas C ini dinaiki nelayan warga asing dari Vietnam.

"Sekurang-kurangnya terdapat satu atau dua nelayan Vietnam ketika pemeriksaan dilakukan ke atas bot nelayan tempatan ini," katanya.

Menurutnya, selagi kru Vietnam dibenarkan mengendalikan bot nelayan tempatan, selagi itu masalah kebanyakan nelayan asing di negara ini tidak selesai.

Katanya, siasatan juga mendapati nelayan Vietnam juga aktif menyewa bot kelas C nelayan tempatan di Terengganu dan Kelantan untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Tidak mustahil ikan ditangkap di perairan Malaysia diseludup keluar ke Vietnam menggunakan bot lebih besar yang menunggui di sempadan perairan negara.

Katanya, dua tangkapan membabitkan sindiket pemalsuan dokumen dilakukan Maritim Malaysia Pahang tahun ini dan lima tangkapan kes sepanjang tahun lalu.

"Bagi negeri Johor pula, 27 kes tangkapan dilakukan membabitkan 2,573 pemeriksaan sehingga kini," katanya.